



## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel. : 603-8000 8000  
Laman Web : [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)

Ruj. Kami : KKM.S.500-2/56/8 JLD.8 (22)  
Tarikh : 29 April 2024

### SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

### URUSAN PEMANGKUAN BAGI SKIM JURURAWAT (PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM) GRED U32 KE GRED U36 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi skim Jururawat (**Perubatan dan Kesihatan Awam**) Gred U32 ke Gred U36. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan pegawai yang **layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:**


- (a) telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) **telah berkhidmat di Gred U32 sebelum atau pada 31 Disember 2017;**
- (c) **tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat pegawai di Gred U32 berubah ke tarikh 01 Januari 2018 dan seterusnya disebabkan faktor-faktor berikut:**
  - i. semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji atau dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
  - ii. tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa sebab munasabah; dan
  - iii. terlebih mengambil Cuti Rehat yang berkelayakan.
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;




PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015  
NO. SIJIL : QMS 03659

- (e) mencapai tahap prestasi perkhidmatan yang ditetapkan (LNPT 2021, 2022, 2023);
  - (f) bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib;
  - (g) telah mengisyiharkan harta berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan (dalam 5 tahun terkini);
  - (h) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
  - (i) bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar oleh institusi pinjaman pendidikan.
3. Calon yang **tidak layak** memohon bagi urusan ini adalah:
- a) pegawai yang pernah **menolak** tawaran pemangkuhan ke Gred U36 dalam urusan sebelum ini (**berkuat kuasa mulai atau selepas 10.05.2023**); atau
  - b) pegawai yang telah **diperakukan kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK2)** ke Gred U36.

4. Calon yang layak memohon hendaklah mengemukakan permohonan dengan menggunakan **Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023** serta dikemukakan lengkap dengan satu (1) salinan dokumen seperti dalam senarai semak di **Lampiran A** dan unjuran kekosongan jawatan di zon Semenanjung, Sarawak dan Sabah pada tarikh iklan dibuka adalah seperti di **Lampiran B**. Surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan pemangkuhan ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



5. Bagi tujuan penyelarasan maklumat permohonan pemangkuhan yang lebih lancar dan berkesan, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan juga dimohon untuk **memastikan calon yang memohon mengemukakan maklumat asas/peribadi melalui Kod QR** di bawah:



6. Calon yang memohon juga hendaklah **bersedia dan sanggup menerima pertukaran sekiranya berjaya ditawarkan pemangkuan** untuk mengisi kekosongan semasa di negeri yang berkenaan. Berdasarkan **Perkara 36 dalam MyPPSM UP.3.1.1**, Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) boleh mengenakan **penalti** kepada pegawai yang **menolak tawaran pemangkuan** dengan tidak **menimbangkan pemangkuan** pegawai tersebut bagi tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh surat penolakan / tarikh melaporkan diri yang ditetapkan atau **satu urusan, yang mana terkemudian**.

7. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan pemangkuan ini adalah pada **7 Jun 2024 (Jumaat)** dan semua dokumen permohonan bagi urusan pemangkuan ini hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

Bahagian Sumber Manusia  
Unit Naik Pangkat (Sokongan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 9, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62590 W. P. PUTRAJAYA**  
(u.p.: Cik Melissa Martha Jimmy)

8. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan pemangkuan, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, perkara ini telah mendapat perhatian serius daripada LKP I KKM yang memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

9. Dimaklumkan juga bahawa calon-calon yang mempunyai rekod THB atau cuti rehat melebihi kelayakan tetapi belum diambil tindakan atau dijatuhkan hukuman tatatertib adalah layak dipertimbangkan pemangkuan sekiranya memenuhi kelayakan dan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 2. Walau bagaimanapun, **Ketua Jabatan bertanggungjawab** untuk memastikan **tindakan**

tata tertib dilaksanakan dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

10. Pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dimohon untuk **menghebahkan** perkara ini kepada semua pegawai yang berkenaan dan memastikan **hanya permohonan daripada calon yang memenuhi syarat** sahaja dikemukakan kepada Bahagian ini. Selain itu, semua maklumat yang dikemukakan hendaklah disemak dan disahkan tepat berdasarkan Buku Rekod Perkhidmatan pegawai yang terkini. **Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan.** Permohonan yang lewat diterima atau tidak lengkap dengan dokumen yang diperlukan **tidak akan diproses.**

11. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)**

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. - TSUB (NPP)

- Pengarah  
Bahagian Kejururawatan

**SENARAI EDARAN:**

- |  |   |
|--|---|
| - Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Khidmat Pengurusan                         | Mohon panjangkan ke<br>semua Bahagian/Jabatan di<br>IPKKM |
| - Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Pengurusan Latihan                         | Mohon panjangkan ke<br>semua ILKKM                        |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Perlis               |   |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Kedah                |   |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang         |   |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Perak                |   |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Selangor             |   |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan             |   |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Melaka               |   |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Johor                |   |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Pahang               |   |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu           |   |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan             |   |
| - Pengarah<br>Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya |   |
| - Pengarah<br>Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan                   |   |

## SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah  
Hospital Tunku Azizah
- Pengarah  
Institut Perubatan Respiratori
- Pengurus  
Institut Kesihatan Negara (NIH)
- Pengarah  
Institut Kanser Negara
- Pengarah  
Pusat Darah Negara
- Pengarah  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah  
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
- Pengarah  
Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia


## **SENARAI EDARAN (JABATAN KADER)**

- Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan Malaysia  
Jalan Padang Tembak  
50634 Kuala Lumpur  
(u.p.: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
- Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri  
Blok D1, D2 & D9, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546 W.P. Putrajaya  
(u.p.: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
- Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Blok E12, Aras 2-5, 13-14  
Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 W.P. Putrajaya  
(u.p.: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
- Ketua Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Aras 1, 3, 4 & 5 Blok D4, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 W.P. Putrajaya  
(u.p.: Bahagian Khidmat Pengurusan)
- Ketua Pengarah  
Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, 9-18  
No.55, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 W.P. Putrajaya  
(u.p.: Bahagian Pengurusan)

**LAMPIRAN A**

**SENARAI SEMAK (CHECKLIST) BAGI URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN  
KUMPULAN PELAKSANA, KKM**

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

	<b>ADA</b>	<b>/ TIADA</b>
<b>1. Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
		
	NPS(M)1/2015.2023	
<b>2. Borang PP-1</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>3. Salinan Buku Rekod Perkhidmatan yang telah dikemas kini dan lengkap</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>4. Salinan kelulusan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>5. Salinan surat telah melaksana pengisytiharan harta (5 tahun terkini)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>6. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT</b> <i>(Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan muka surat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja)</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>7. Telah mengisi maklumat asas/peribadi dalam pautan Kod QR seperti dinyatakan dalam <b>Perenggan 5 (Iklan)</b></b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>8. Lampiran B* – Penilaian Kecemerlangan TBK Kali Kedua</b> <b>(Bagi pegawai yang telah genap 13 tahun tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira di Gred U32 tetapi belum diperakukuan TBK Kali Kedua)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

\* Lampiran B boleh didapati melalui portal MyPPSM ->UP.3 Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat -> Ceraian UP.3.1.7 -> Lampiran UP.3.1.7 (B)

**LAMPIRAN B**

**MAKLUMAT UNJURAN KEKOSONGAN  
JURURAWAT (PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM) GRED U36  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(Sehingga 31 Disember 2025)**

<b>BIL.</b>	<b>ZON</b>	<b>KEKOSONGAN</b>	
		<b>JURURAWAT (PERUBATAN)</b>	<b>JURURAWAT (KESIHATAN AWAM)</b>
1.	<b>SEMENANJUNG</b>	<b>298</b>	<b>123</b>
2.	<b>SARAWAK</b>	<b>56</b>	<b>13</b>
3.	<b>SABAH DAN W.P. LABUAN</b>	<b>65</b>	<b>14</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>419</b>	<b>150</b>

\* Maklumat di atas adalah berdasarkan unjuran sahaja dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

**LAMPIRAN 1**

**PENGESAHAN MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)  
BAGI TAHUN 2021, 2022 DAN 2023  
JURURAWAT (PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM)  
GRED U32 KE GRED U36**

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. KAD PENGENALAN	LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN		
			2021	2022	2023
1.					

Disediakan oleh :

.....  
 Nama :  
 Jawatan :  
 Tarikh :

Disahkan oleh :

.....  
 Nama :  
 Jawatan :  
 Tarikh :